

SEJARAH DAN EVOLUSI PELAMPAU KEGANASAN DI MALAYSIA, oleh Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hizam Hanafiah & Ahmad Norisham Maarus. 2024. Penerbit USIM: Nilai. Halaman 35. ISBN 978-629-7636-84-9.

Tajuk ini merupakan tajuk dari bab 1 dari sebuah buku berjudul Pelampau Keganasan di Malaysia: Sejarah, Isu Dan Ancaman. Buku ini merupakan hasil dari sebuah projek yang diketuai oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang turut dianggotai oleh barisan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Tajuk projek ini ialah Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism) atau NAPPCVE. Dalam bab ini, pelampau keganasan merujuk kepada perbuatan atau tindakan ganas yang dilakukan oleh individu atau sekumpulan orang bagi mencapai matlamat tertentu berdasarkan fahaman atau ideologi yang menjadi pegangan mereka. Penyelidik telah membahagikan bahagian ini kepada dua perbincangan mengikut zaman iaitu sebelum merdeka dan selepas merdeka.

Perbincangan pertama ialah Sejarah Pelampau Keganasan di Malaysia. Penyelidik menceritakan sejarah awal perkembangan pelampau keganasan bermula dari era penjajahan kuasa asing seperti Potugis, Belanda, Jepun dan British bermula dari tahun 1511 dan berakhir pada 1957. Aktiviti penjajahan dari barat secara asasnya bermatlamatkan kepada 3G iaitu *gold, glory* dan *gospel*. Selain dari penjajahan kuasa asing, radikalisme turut dikesan berlaku dalam kalangan orang tempatan sendiri. Masyarakat tempatan pada ketika itu hidup di bawah kuasa politik yang berteraskan istana dan para pembesar. Perbuatan keganasan yang berlaku ketika itu adalah penentangan rakyat biasa terhadap golongan pembesar dan istana. Hal ini kerana mereka ingin melawan penindasan yang berlaku terhadap mereka. Sejarah turut mencatatkan pergaduhan antara kongsi gelap Ghi Hin dan Hai San sebagai satu bentuk keganasan. Berbeza dengan sejarah masyarakat tempatan sebelum ini. Ghi Hin dan Hai San bergaduh disebabkan ingin merebut penguasaan tempat perlombongan yang berpotensi menjadi sumber kewangan kumpulan yang menguasainya. Ketika penguasaan Jepun dan Komunis, terdapat banyak radikalisme yang berlaku seperti kekejaman dan pembunuhan tentera Jepun terhadap warga tempatan terutamanya orang Cina. Selain Jepun, komunis juga turut melakukan hal yang serupa dengan menyeksa mereka yang disyaki sebagai tali barit Jepun. Ribuan orang mati terkorban hasil kekejaman yang dilakukan komunis di Tanah Melayu.

Perbincangan kedua pula ialah Sejarah Pelampau Selepas Kemerdekaan. Dalam perbincangan ini, diulas sejarah dan peristiwa kekejaman serta kekacauan yang ditimbulkan oleh komunis di Tanah Melayu walaupun darurat telah tamat pada tahun 1960. Bagi menanggani ancaman komunis ini, Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia telah menujuhkan satu pasukan khas yang rahsia iaitu Pasukan F. Fungsi utama pasukan ini adalah mengumpulkan maklumat atau membuat risikan dan merancang strategi untuk menghapuskan komunis di Tanah Melayu. Dokumen sejarah mencatatkan seramai 1700 orang anggota komunis berjaya ditangkap sepanjang operasi yang dijalankan oleh Pasukan F. Negara juga pernah dikejutkan dengan peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa ini berpunca akibat ketidak persefahaman politik antara kaum pada ketika itu. Seramai 116 orang mati dan 455 orang cedera akibat pertembungan pengikut dari dua kumpulan politik utama di Kuala Lumpur. Punca pertembungan dan pertelingkahan ini yang asalnya bukanlah disebabkan oleh ideologi politik. Hakikatnya, ia bermula sejak sebelum merdeka lagi apabila berlakunya pencabulan kesucian agama Islam dan penindasan ke atas orang Melayu.

Bahagian kedua pula menceritakan tentang Evolusi Kumpulan Pelampau Keganasan 1960-2000. Terdapat tiga bentuk utama keganasan yang berlaku sepanjang tempoh ini iaitu politik, sosial dan agama. Agama menjadi elemen utama yang telah dieksplotasi sebagai modal dalam melakukan aktiviti yang menjurus keganasan. Terdapat dua kumpulan ajaran sesat terawal yang dikategorikan sebagai pelampau dan telah melakukan keganasan yang dahsyat iaitu Tentera Sabilullah dan Kumpulan Rohaniah. Pada tahun 1967, telah berlaku mogok di Pulau Pinang yang membawa kepada pertempuran antara Tentera Sabilullah dengan Parti Buruh dan samseng Cina yang kemudiannya merebak ke Perak dan Kuala Lumpur. Peristiwa ini mencatatkan seramai 29 orang telah terbunuh dan 92 orang tercedera. Kumpulan Rohaniah pula ditubuhkan pada 1971 yang mempunyai matlamat untuk menggulingkan kerajaan dan menubuhkan negara Islam. Kumpulan ini telah menjadi gerakan militan untuk mencapai matlamat mereka dalam merealisasikan idea penbuhan negara Islam. Akhirnya kumpulan ini ditahan pihak berkuasa PDRM. Hasil dari penahanan tersebut, PDRM berjaya merampas 11 revolver automatik, 743 butir peluru dan sebuah bom tangan. Selain itu, terdapat juga uniform ketenteraan dan 50 bendera kumpulan yang turut dirampas. Hal ini menunjukkan kumpulan ini begitu serius untuk melakukan tindakan keganasan terancang dan berbahaya pada rakyat Malaysia ketika itu. Selain daripada dua kumpulan ini, terdapat kumpulan-kumpulan lain yang muncul selepas mereka iaitu Kumpulan Koperasi Angkatan Revolusi Islam (KARIM), Crypto, Kumpulan Mohamad Nasir Ismail, Kumpulan Revolusi Islam Ibrahim Libya, Kumpulan Jundullah, Kumpulan Mujahidin Kedah (KMK), Kumpulan al-Arqam, Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam al-Maunah (al-Maunah) dan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM). Antara kegiatan keganasan yang dijalankan KMM adalah pengeboman gereja, kuil Hindu dan cubaan membunuh dua etnik India.

Bahagian ketiga ialah Evolusi Kumpulan Pelampau Keganasan Pasca 2000. Revolusi Iran menjadi titik utama perkembangan semangat politik Islam ke seluruh dunia. Ini memberi inspirasi dan semangat menaikkan kepimpinan Islam dalam politik negara tertentu. Kesannya, terdapat beberapa individu utama yang menjadi penggerak kumpulan militan Islam yang menginginkan politik Islam dengan cara yang menyalahi syariat dan mereka bertanggungjawab dalam siri keganasan yang telah berlaku di Asia Tenggara. Antara tokoh tersebut ialah Abu Bakar Bashir, Abdullah Sungkar, Abu Jibril, Mukhlis yang sangat dikenali di Indonesia. Terdapat individu dari Malaysia seperti Azhari Hussin dan Noor Din Mohd Top yang turut terlibat dalam serangan Jama'ah Islamiyyah (JI) di Indonesia. Selain JI, terdapat kumpulan pengganas lain yang berpengkalan di Filipina. Mereka ialah Kumpulan Abu Sayaf. Kumpulan ini merupakan cabang dari al-Qaeda dan beberapa rakyat Malaysia turut terlibat. Sebahagian yang menyertai Kumpulan Abu Sayaf turut memberi sokongan kepada Daesh. Selain daripada semangat politik Islam yang melampau dan salah, ajaran sesat juga berpotensi melakukan keganasan. Pada tahun 2013, pengikut ajaran Tuhan Harun telah menyerang dan membunuh seorang anggota penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang. Ajaran Tuhan Harun pada ketika itu mempunyai 312 orang pengikut yang setia. Dari kes ini, dua orang pengikut ajaran ini telah dihukum mati atas jenayah membunuh.

Bahagian keempat ialah Kemunculan Daesh atau ISIS. Asal kemunculan kumpulan ini berasal dari Jordan dan Afghanistan dan pengasasnya iaitu Abu Mus'ab al-Zarqawi dilahirkan di Jordan. Pada tahun 1989, al-Zarqawi telah pergi ke Afghanistan berjuang untuk menentang Soviet Union. Dia menetap di sana selama tiga hingga empat tahun untuk mendapatkan latihan ketenteraan dan melebarkan jaringan kenalan dengan individu tertentu. Al-Zarqawi telah ditangkap dan dipenjara selama 15 tahun kerana keterlibatan bersama Abu Muhammad al-Maqdisi yang merancang menjatuhkan pemerintah Jordan dengan melancarkan beberapa siri pengebomam di Jordan. Al-Zarqawi kembali ke Afghanistan selepas dibebaskan melalui

pengampunan Raja Abdullah II dan menubuhkan kumpulan Jund al-Sham. Pada tahun 2002, al-Zarqawi telah mlarikan diri ke Iraq setelah kubu kumpulannya diserang. Di Iraq, al-Zarqawi menjenamakan semula kumpulannya dengan nama Jama'at al-Tawhid wa al-Jihad. Pada Januari 2006, al-Zarqawi menubuhkan Majlis Syura Mujahidin yang berperanan menyelaraskan perancangan dan operasi jihad di Timur Tengah. Setelah kematian al-Zarqawi pada tahun yang sama, Abu Ayyub al-Misri telah dilantik menggantikan al-Zarqawi. Pada tahun yang sama juga al-Misri bersama-sama mujahidin yang lain menubuhkan *al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Iraq* (ISI) yang diketuai oleh Abu Bakar al-Baghdadi. Gelombang Arab Spring pada 2011 telah memberi kelebihan kepada ISI dalam melebarkan pengaruh mereka di Tanah Arab. Pada 2013, al-Baghdadi telah mengesahkan bahawa nama baru kumpulan mereka iaialah *al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Iraq wal al-Sham* atau dikenali sebagai Daesh atau ISIS dan mengisyitiharkan penubuhan *Dawlah al-Islamiyyah* atau Islamic State pada tahun berikutnya.

Bahagian kelima ialah Islamic State of Iraq and Sham (Daesh) di Malaysia. Pergolakan Arab Spring di Timur Tengah pada tahun 2010 menjadi pintu utama penyebaran ideologi Daesh ke Malaysia. Propaganda Daesh juga telah dikesan oleh pihak berkuasa bahawa ia disebar secara meluas di media dalam talian (online). Seramai 39 orang rakyat Malaysia telah dikesan pergi menyertai Daesh di Timur Tengah sejak tahun 2014. Bahkan lebih awal dari itu, terdapat rakyat Malaysia iaitu Mohd Lotfi Ariffin bersama rakannya telah menyertai kumpulan itu pada tahun 2011. Seorang lagi rakyat Malaysia, Ahmad Tarmimi Maliki yang telah menjadi pengebom bunuh diri Daesh pada tahun 2014 di Iraq telah merempuh ibu pejabat SWAT (Special Weapons and Tactics) dengan kenderaan yang berisi bahan letupan dan mengorbankan nyawa. Selain itu, PDRM juga berjaya mengesan seorang wanita berumur 52 tahun yang merancang untuk melakukan serangan bunuh diri ke atas orang bukan Islam semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 pada tahun 2018. Atas faktor keselamatan umat Islam di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 memutuskan bahawa perjuangan Daesh adalah bertentangan dengan agama Islam dan dinasihat supaya menjauhi daripada menerima ideologi mereka.

Bahagian keenam ialah Potensi Pelampau Keganasan Pada Masa Hadapan. Daesh menggunakan media sosial dan media dalam talian (online) untuk menyebarluaskan dakyah dan propaganda mereka ke seluruh dunia. Terdapat lima elemen utama pemikiran tauhid Daesh iaitu; 1. Berpegang dengan akidah Salafi-Wahabi, 2. Berpegang dengan Tauhid Tiga, 3. Berpegang dengan Tauhid *al-Wala' wa al-Bara'*, 4. Berpegang dengan *Tauhid al-Hakimiyyah* dan 5. Bermudahan mengkafirkan umat Islam. Selain Daesh, terdapat kumpulan lain yang perlu diberi perhatian secara serius kerana mempunyai ideologi yang berpotensi melakukan keganasan seperti Syiah dan Hizbur Tahrir. Antara kumpulan pelampau lain bukan dari agama Islam ialah kumpulan Harimau Pembebasan Tamil Eelam atau *Liberation Tamil Tiger Ealam* (LTTE) yang menyebarluaskan pengaruh mereka kepada masyarakat India yang beragama Hindu. Manakala *Radical Evangelist Christian State* (RECS) yang menyebarluaskan ideologi mereka kepada penganut Kristian. Faktor politik antarabangsa dan sentimen agama boleh menjadi potensi yang besar kepada kemunculan kumpulan pelampau.

Kritikan terhadap karya ini

Pengkaji tidak menekankan ideologi Ikhwanul Muslimin dan tokoh-tokoh utama yang menjadi tonggak utama dalam penyebaran kekeliruan dan kesalahan fahaman jihad. Kekuatan penulisan ini dalam mengaitkan keganasan Daesh dengan Tauhid Tiga tidak begitu kuat dan pengkaji tidak menyebut faktor gerakan Ikhwanul Muslimin yang muncul pada kurun ke-20.

Mengaitkan pembahagian tauhid kepada tiga sebagai elemen keganasan tidak begitu kukuh dalam bab tersebut kerana pembahagian tauhid tiga bukanlah satu perkara baharu yang muncul pada zaman moden. Bahkan antara ulama paling awal yang membahagikan pembahagian tauhid ini ialah Ibn Battah. Pembahagian ini merupakan nilai warisan dan wacana ilmu sejak seribu tahun yang lalu tanpa ada sedikit pun unsur keganasan dalamnya.

Seruan Tauhid Hakimiyyah paling awal dikesan muncul pada zaman Saidina Ali RA yang dimulakan oleh kelompok *Khawarij*. Pada zaman moden ideologi ini dimulakan oleh Sayyid Qutb di dalam bukunya berjudul *Ma'alim fi al-Tariq*. Sayyid Qutb mendakwa bahawa setelah sekian lama umat Islam tidak berada dalam keadaan yang tiada penghayatan terhadap Islam. Dunia yang wujud pada zaman itu berada dalam keadaan *jahiliyyah* kerana beranggapan bahawa hak kekuasaan dan pemerintahan Allah telah dicabul serta dirampas oleh undang-undang baru ciptaan manusia. Penerapan dan penggubalan undang-undang pada zamannya tidak berteraskan syariat Allah SWT. Lebih parohnya lagi apabila menyatakan bahawa masyarakat *jahiliyyah* itu ialah masyarakat bukan Islam.¹ Di sinilah munculnya babit-babit pentakfirian awal pada zaman moden. Di sini jelas bahawa ideologi ini iaitu takfirisme bukanlah bermula dari Salafi-Wahabi. Bahkan ia datang jauh dari kemunculan pengasas ajaran Wahabi itu sendiri. Sayyid Qutb yang tidak pernah mendapat pendidikan dari mana-mana ulama yang beraliran Wahabi, menzahirkan idea takfirisme itu hasil daripada semangat dan motivasi bersama Gerakan Ikhwanul Muslimin. Menurut Zainab al-Ghazali iaitu seorang aktivis Ikhwanul Muslimin menjelaskan bahawa mereka menjadikan ajaran daripada Sayyid Qutb sebagai mata pelajaran utama. Pada masa yang sama mendakwa bahawa hanya gerakan Ikhwanul Muslimin sahaja yang melazimi hukum-hakam Allah SWT. Dalam petikan yang lain, Zainab juga menyatakan bahawa semua negara adalah bukan negara Islam kecuali Saudi sahaja.² Kesilapan ideologi takfirisme yang dibawa oleh Sayyid Qutb dan Zainab al-Ghazali ini membawa satu implikasi yang cukup besar dalam dunia umat Islam hari ini.

Pentakfirian secara umum yang dilakukan sangat bertentangan dengan apa yang dibawa oleh pengasas ajaran Wahabi itu sendiri. Pengasas ajaran iaitu Wahabi iaitu Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab (SMAW) menegaskan bahawa tuduhan pentakfirian ke atas umat Islam lain yang dilemparkan ke atas dirinya itu adalah tidak benar.³ SMAW sendiri menyatakan bahawa tidak akan melakukan pentakfirian hanya berdasarkan sangkaan sahaja tanpa bukti yang jelas.⁴ Cicitnya sendiri Syeikh Muhammad bin 'Abdul Latif bin 'Abdul Rahman bin Hasan juga menyatakan hal yang sama.⁵ Sekiranya ditelusuri kitab-kitab beliau, tidak pernah sama sekali beliau mentakfirkan secara umum sebagaimana yang dilakukan oleh Sayyid Qutb. Kesimpulannya, hubungkait ideologi Salafi-Wahabi sebagai elemen utama yang mencetuskan keganasan di era moden ini sangat rapuh. Pelbagai perincian Tauhid Hakimiyyah diabai untuk diuraikan dalam bahagian keenam dari bab buku ini.

¹ Sayyid Qutb. (1979). *Ma'alim fil tariq*. Beirut: Dar al-Syuruq, hlm 5-6.

² Zainad al-Ghazali. (t.t). *Ayyam min hayati*, hlm 21.

³ 'Ulama' Najd al-A'lam. (1996). *Ad-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*. Tahkik: 'Abd al-Rahman bin Qasim. Saudi, jil 1, hlm 100.

⁴ Muhammad bin 'Abdul Wahab al-Tamimi. (t.t). *Al-Rasa'il al-Syakhsiyah*. Tahkik: Soleh bin Fawzan bin Abdullah al-Fawzan. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud, jil 1, hlm 24.

⁵ 'Ulama' Najd al-A'lam. (1996). *Ad-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*. Tahkik: 'Abd al-Rahman bin Qasim. Saudi, jil 1, hlm 573.

Rujukan

- al-'Alam, ' . N. (1996). *Al-Durar Al-Saniyah fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*. Riyadh.
- al-Ghazali, Z. (n.d.). *Ayyam min hayati*.
- al-Tamimi, M. b. (n.d.). *Al-Rasa'il al-Syakhsiyah*. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud.
- Qutb, S. (1979). *Ma'alim fi al-Tariq*. Beirut: Dar al-Syuruq.

Muhammad Nasrullah Bin Mohamad Azli

Bahagian Pengajian Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.